

---

## SIARAN MEDIA

### **MyEG PERLU MEMBAYAR RM 6,412,200.00 SETELAH RAYUAN DITOLAK OLEH TRP**

**KUALA LUMPUR, 29 DISEMBER 2017** –Tribunal Rayuan Persaingan (TRP) semalam telah menolak rayuan My E.G. Services Berhad (MyEG) dan My E.G Commerce Sdn. Bhd. (MyEG Commerce) (selepas ini disebut sebagai Perayu) terhadap keputusan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang bertarikh 24 Jun 2016 (keputusan MyCC) yang mendapati kedua-duanya melanggar seksyen 10(2)(d)(iii) Akta Persaingan 2010 (AP 2010).

TRP yang dipengerusikan Tan Sri Haidar Bin Mohd Nor, berpendapat bahawa keputusan MyCC adalah tepat dimana Perayu didapati menyalahgunakan kedudukan dominannya, suatu pelanggaran di bawah seksyen 10(2)(d)(iii) AP 2010. TRP seterusnya berkata bahawa setelah mengambilkira keseluruhan bukti, TRP tiada alasan untuk mengganggu keputusan Suruhanjaya.

Oleh itu, TRP mengesahkan keputusan Suruhanjaya dan mengarahkan Perayu dan MyEG Commerce untuk mematuhi arahan-arahan berikut.

- (i) Jumlah penalti kewangan sebanyak RM2,272,200.00 pada setakat 24 Jun 2016;
- (ii) Penalti harian sebanyak RM7,500.00 bermula dari tarikh 25 Jun 2016 sehingga tarikh keputusan TRP iaitu 28 Disember 2017;
- (iii) Berhenti dan menghentikan serta merta dari mengenakan syarat yang berlainan untuk transaksi yang setara berkaitan pembelian insurans mandatory untuk permohonan pembaharuan Pas Lawatan (Kerja Sementara) (PLKS) pekerja asing;
- (iv) Menyediakan “gateway” yang efisien kepada SEMUA pesaing dan pesaing baru atau berpotensi dalam pasaran penjualan insurans mandatori dalam tempoh 60 hari selepas keputusan TRP dikeluarkan iaitu 28 Disember 2017; dan

(v) Sekiranya pihak MyEG tidak mematuhi arahan yang telah dinyatakan, pihak MyCC mempunyai kuasa untuk mengenakan penalti harian sebanyak RM7,500.00 bagi tempoh berikutnya.

Oleh itu, setakat 28 Disember 2017, jumlah penalti kewangan yang perlu dibayar oleh Perayu adalah RM6,412,200.00 dan ini termasuk denda harian yang berjumlah RM4,140,000.00. Walaubagaimanapun, jumlah tersebut akan meningkat sekiranya MyEG gagal untuk mematuhi arahan TRP.

Perlu ditekankan disini bahawa TRP tidak mengesahkan arahan MyCC bahawa Perayu perlu mematuhi peraturan dan undang-undang PIAM kerana Perayu bukan berada di bawah bidang kuasa PIAM.

Keputusan MyCC mendapati Perayu menyalahgunakan kedudukan dominannya dengan mengenakan syarat berbeza kepada transaksi setara dalam pembelian insurans mandatori untuk pembaharuan Pas Lawatan (Kerja Sementara) (PLKS) untuk pekerja asing.

MyEG Commerce yang merupakan anak syarikat MyEG, telah memeterai perjanjian agensi dengan RHB Insurance Berhad (RHB) untuk bertindak sebagai ejen kepada RHB bagi menjual, antara lain, insurans mandatori untuk pembaharuan PLKS.

Keputusan yang dibuat oleh MyCC adalah hasil penyiasatannya yang mendapati Perayu menyebabkan jangka masa proses yang lebih cepat untuk pembaharuan PLKS kepada pelanggan yang memilih untuk membeli insurans mandatori dari RHB melalui Perayu. Bukti juga menunjukkan bahawa terdapat pengesahan automatik untuk insurans yang dibeli daripada RHB melalui Perayu.

Walaubagaimanapun, jika pelanggan memilih untuk membeli insurans mandatori daripada syarikat insurans lain di mana Perayu bukanlah ejen bagi syarikat insurans tersebut, langkah tambahan untuk pengesahan telah dikenakan oleh Perayu terhadap insurans tersebut, yang menyebabkan masa pembaharuan yang lebih lama. Ini seterusnya memberi tekanan kepada pelanggan untuk membeli insurans mandatori dari RHB melalui Perayu.

Perayu, pada 28 Disember 2017 telah menyatakan bahawa ia akan memfailkan semakan kehakiman terhadap keputusan TRP tersebut.

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Dato 'Abu Samah Shabudin mengalu-alukan keputusan TRP dengan menyatakan bahawa "adalah menjadi objektif MyCC dari awal lagi untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat yang mempunyai kedudukan dominan dalam apa-apa pasaran tidak menyalahgunakan kedudukan mereka kerana ia akan menyebabkan kesan negatif terhadap pengguna dan ekonomi negara secara keseluruhan."

Beliau menambah lagi, "MyCC sebelum ini telah menyiasat beberapa syarikat yang mempunyai kedudukan dominan seperti Megasteel Sdn Bhd (industri besi) dan Giga Shipping Sdn Bhd dan Nexus Mega Carriers Sdn Bhd (industri logistik). Walaupun semua siasatan ini tidak membawa kepada penalti kewangan kerana mereka dapat membuktikan mereka tidak melanggar Akta Persaingan, MyCC akan terus, tanpa rasa gentar atau berpihak kepada mana-mana pihak, sentiasa memastikan undang-undang persaingan dipatuhi dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang melanggar undang-undang ini."

Selain menyiasat kes penyalahgunaan kedudukan dominan, MyCC juga telah menetapkan sasarannya terhadap kes kartel. Majoriti kes yang disiasat oleh MyCC melibatkan syarikat yang terlibat dalam aktiviti kartel seperti penetapan harga, menetapkan syarat perdagangan seperti rebat dan diskaun dan perkongsian pasaran. Beberapa syarikat yang telah disiasat oleh MyCC bagi aktiviti kartel termasuklah industri penerbangan, pengeluaran ais, logistik dan peniaga pasir.

Sehubungan itu, MyCC sedang menunggu semakan kehakiman bagi keputusan TRP berkenaan kes Malaysian Airline System Berhad ('MAS') dan AirAsia Berhad ('AirAsia'). Pendengaran untuk semakan kehakiman tersebut akan diadakan pada 7 Mac 2018.

--tamat--

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Noorliza Abdul Latiff, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: noorliza@mycc.gov.my

Nazarul Emran, Tel +603 2273 2277 (ext 701), Email: nazarul@mycc.gov.my

**Bahagian Hal Ehwal Korporat**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia**

**NOTA UNTUK PENGARANG:**

Sesalinan keputusan TRP dilampirkan sebagai Lampiran A. Hanya versi Bahasa Inggeris dikeluarkan oleh TRP.

**Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan. Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti kepada pesalah undang-undang persaingan. Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).

Seksyen 2 Akta Persaingan 2010 menyatakan definisi “kedudukan dominan” seperti berikut: “Kedudukan dominan ertinya suatu keadaan yang dalamnya satu perusahaan atau lebih mempunyai kuasa yang signifikan dalam suatu pasaran untuk melaraskan harga atau output atau terma perdagangan, tanpa kekangan yang berkesan daripada pesaing atau pesaing berpotensi.”

**Bab 2: Penyalahgunaan Kedudukan Dominan adalah dilarang.**

10. (1) Suatu perusahaan adalah dilarang untuk terlibat, sama ada secara sendirian atau kolektif, dalam apa-apa perlakuan yang berupa suatu penyalahgunaan kedudukan dominan dalam mana-mana pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), suatu penyalahgunaan kedudukan dominan boleh termasuk—

(a) secara langsung atau tidak langsung mengenakan harga belian atau jualan yang tidak adil atau syarat perdagangan lain yang tidak adil ke atas pembekal atau pelanggan;

(b) membataskan atau mengawal—

(i) pengeluaran;

(ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;

(iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau

(iv) pelaburan, sehingga memudaratkan pengguna;

(c) enggan untuk membekalkan kepada suatu perusahaan atau kumpulan atau kategori perusahaan tertentu;

(d) mengenakan syarat yang berlainan kepada transaksi yang setara dengan pihak perdagangan yang lain ke suatu takat yang boleh—

(i) tidak menggalakkan kemasukan baru ke dalam pasaran atau pengembangan atau pelaburan oleh pesaing yang sedia ada;

(ii) memaksa keluar dari pasaran atau selainnya merosakkan secara serius seorang pesaing yang sedia ada yang tidak kurang cekapnya berbanding dengan perusahaan dalam kedudukan dominan itu; atau

(iii) memudaratkan persaingan dalam apa-apa pasaran yang disertai oleh perusahaan yang dominan itu atau dalam apa-apa pasaran hiliran atau hulu;

(e) menjadikan pengikatan kontrak tertakluk kepada penerimaan oleh pihak lain akan syarat tambahan yang atas sifatnya atau menurut kegunaan komersial tidak mempunyai kaitan dengan hal perkara kontrak itu;

(f) berkelakuan seakan pemangsa terhadap pesaing; atau

(g) membeli barangan perantaraan atau sumber yang terhad bekalannya yang dikehendaki oleh seorang pesaing, dalam hal keadaan yang perusahaan dalam kedudukan dominan itu tidak mempunyai justifikasi komersial yang munasabah untuk membeli barangan perantaraan atau sumber itu untuk memenuhi keperluannya sendiri.